

TEKS UCAPAN
PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR, UTeM

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN
MAHASISWA (U-BIS) UTeM**

21 MEI 2015 (KHAMIS)

2.30 PETANG, DEWAN SEMINAR FTMK

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Salleh bin Yahya
Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan,

Yang Berusaha Encik Aziz bin Yahya

Pengarah Program Pembangunan Usahawan Mahasiswa (U-BIS) 2015
UTeM

Saudara Irfan Khairi,

Ikon Perniagaan atas talian

Pegawai-pegawai Kanan Universiti,

Wakil-wakil media, wakil-wakil industri, para peserta program Pembangunan Usahawan Mahasiswa, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah marilah kita bersama-sama merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kesempatan untuk kita bersama di Majlis Perasmian Program Pembangunan Usahawan Mahasiswa (U-BIS) UTeM pada petang yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana di atas komitmen tinggi menyatukan idea, menyempurnakan tugasan bagi memastikan Program Pembangunan Usahawan Mahasiswa (U-BIS) UTeM terlaksana dengan lancarnya seperti mana yang dirancang. Harapan saya agar penganjuran ini mampu merangsang aktiviti keusahawanan yang menggalakkan dan seterusnya melahirkan

usahawan yang berilmu serta berkemampuan untuk bersaing di peringkat nasional maupun global.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Kejayaan kita merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, amat bergantung kepada usaha kita menjayakan Model Ekonomi Baharu (MEB) dalam mentransformasikan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Bidang keusahawanan merupakan teras dalam menjayakan agenda MEB ini yang mana akan turut menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara secara keseluruhannya.
5. Seperti yang kita sedia maklum, keusahawanan bermula dengan usahawan yang berpotensi, iaitu seseorang individu yang bukan sahaja mempunyai keberanian untuk menceburi diri aktiviti

keusahawanan semata-mata, malah mempunyai kepercayaan dan keupayaan untuk melakukannya. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), didapati kefahaman mengenai konsep keusahawanan dalam pendidikan keusahawanan masih lagi tidak jelas di kebanyakan IPT. Kajian juga mendapati bahawa kefahaman pelajar tentang bidang keusahawanan hanya terhad kepada pembentukan perniagaan sahaja malah pelajar masih belum memahami konsep sebenar pendidikan keusahawanan yang lebih menekankan kepada aspek pembangunan modal insan yang bercirikan keusahawanan.

6. Berdasarkan kepada lonjakan pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, pihak Kementerian turut memberi penekanan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang sebagai satu agenda penting. Dalam usaha merealisasikan hasrat ini, pelbagai inisiatif dan pelan tindakan telah diambil oleh

pihak Kementerian dalam menerapkan budaya serta nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar juga warga IPT di samping meningkatkan jumlah pelajar dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan.

7. Manakala di peringkat Universiti pula, penekanan dalam bidang keusahawanan turut diterjemahkan di dalam Pelan Strategik Universiti 2012-2020 menerusi Tema 3 iaitu Membentuk Pemimpin Berciri Teknousahawan atau *Moulding Technopreneurship Leaders*. Tema ini meletakkan hasrat untuk membangunkan atribut keusahawanan di kalangan pelajar UTeM yang mempunyai nilai-nilai keperibadian seperti mempunyai minat mendalam dalam pengajian bidang teknikal, mempunyai set minda dan kemahiran keusahawanan, mempunyai daya tahan yang tinggi untuk mencapai kejayaan, maju dalam pengetahuan teknologi dan situasi pasaran semasa, mampu mengurus risiko dan berpemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah. Sehubungan itu, usaha yang bersepadu

dan berterusan sentiasa dilaksanakan oleh pihak Universiti ini dalam menerapkan nilai-nilai dan budaya keusahawanan di kalangan pelajar UTeM khususnya dan komuniti setempat amnya.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

8. Pusat Pembangunan Keusahawanan (PPK) UTeM berperanan penting dalam merealisasikan agenda nasional dalam melahirkan graduan bercirikan usahawan (*entrepreneurial graduates*) serta graduan usahawan (*entrepreneur graduates*). Pusat ini menyokong ekosistem universiti dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan yang menerapkan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya tahan, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira (*calculated risk*) dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang perniagaan (*opportunity identification and creation*). Saya percaya dengan perlaksanaan program U-BIS ini akan melahirkan lebih ramai

usahawan muda di kalangan mahasiswa UTeM yang mempunyai kekuatan mental dan rohani serta ilmu bagi mengharungi dunia keusahawanan yang penuh dengan cabaran dan kompetitif.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

9. Sokongan dalam bentuk kewangan penting dalam menjayakan agenda keusahawanan ini. Saya mewakili Universiti Teknikal Malaysia Melaka ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah menyalurkan dana bagi merealisasikan Program UBIS ini.
10. Saya juga turut merakamkan penghargaan kepada Saudara Irfan Khairi, ikon perniagaan atas talian Malaysia atas kesudian beliau dalam berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran dalam bidang keusahawanan atas talian kepada peserta UBIS. Bimbingan dan perkongsian ilmu daripada saudara Irfan Khairi diharapkan akan

memberi impak yang besar kepada para peserta. Perniagaan atas talian adalah satu platform perniagaan yang begitu relevan dalam mencapai matlamat keusahawanan bukan sahaja di peringkat tempatan malah juga di peringkat global. Oleh itu, besarlah harapan saya agar bakal usahawan muda UTeM dapat mengambil kesempatan dan peluang ini dengan sebaik-baiknya dalam mempelajari selok-belok perniagaan atas talian bersama saudara Irfan Khairi.

11. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak industri yang turut menyertai program UBIS ini. Seperti yang kita sedia maklum, bakal usahawan muda sangat memerlukan sokongan daripada pihak industri untuk menimba pengalaman sebenar sebagai usahawan. Kesediaan pihak industri bersama dalam program ini diharap membuka ruang jaringan strategik dan kerjasama pintar di antara pihak universiti dan industri.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Saya yakin dengan pengisian dan sokongan yang mantap daripada pelbagai pihak, peserta program UBIS ini bakal membawa pulang semangat dan pemikiran baru berserta seribu cabang idea keusahawanan terutamanya berkaitan perniagaan atas talian untuk direalisasikan kelak. Saya yakin usahawan-usahawan muda yang digilap daripada program ini nanti bukan sahaja bijak dalam melancarkan strategi perniagaan, malah turut memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.
13. Diharapkan melalui program ini, UTeM bukan sahaja mampu melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, malah turut melahirkan graduan minda kelas pertama yang mampu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di luar sana.

14. Sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini.

Terang halaman dihiasi pelita
Indah bersilih cahaya purnama
Usahawan berjaya, harapan kita
Mencipta kerjaya, mengharum nama

Dengan lafaz Bismillah Hirahman Nirahim saya dengan ini merasmikan Program Pembangunan Usahawan Mahasiswa (U-BIS) Universiti Teknikal Melaka.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh..*